

AGM Umno dijangka sentuh isu Seksualiti Merdeka, murtad
The Malaysian Insider
23 November , 2011

KUALA LUMPUR, 23 Nov — Isu-isu semasa antaranya seperti isu Seksualiti Merdeka bakal menjadi topik panas yang dijangka dibangkitkan anggota perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno 2011 minggu depan.

Ketua Penerangan Umno Datuk Ahmad Maslan ketika ditemui Bernama baru-baru ini berkata isu itu tidak terkecuali untuk dibahaskan kerana ia melibatkan masalah rakyat pada masa ini.

“Apa-apa sahaja isu yang melibatkan kepentingan rakyat, untuk kebaikan, saya rasa ada yang akan ditimbulkan perwakilan,” katanya.

Antara isu semasa lain yang dijangka dibangkitkan anggota perwakilan ialah seperti Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), ketelusan proses pilihan raya dan murtad.

Perhimpunan yang akan diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini dari 29 Nov hingga 3 Dis itu akan dihadiri seramai 5,447 perwakilan dari seluruh negara.

Beberapa program awal telah diatur sempena perhimpunan itu antaranya Karnival Kerjaya Pemuda BN 2011 pada Jumaat hingga Ahad lepas; Konvensyen Media Sosial 1Malaysia dan Amanat Presiden sempena Perhimpunan Agung Umno pada Ahad lepas, Seminar Kebangsaan Pemahaman Wasatiyyah dan 1Malaysia pada Jumaat ini dan forum antarabangsa pada Isnin dan Selasa depan.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/agm-umno-dijangka-sentuh-isu-seksualiti-merdeka-murtad/>